

BIL	BUTIR-BUTIR KERJA	PEMATUHAN (Sila \checkmark atau x)	CATATAN *
	<p>3.7 Mentega dan jem hendaklah disajikan dalam bentuk berbungkus/sachet.</p> <p>3.8 Minuman panas dihidangkan dengan susu rendah lemak / krimer dan gula yang berasingan. Digalakkan untuk menggunakan sachet.</p> <p>3.9 Minuman sejuk hendaklah menggunakan kiub ais dan bukan blok ais.</p> <p>3.10 Minuman panas dihidangkan dengan cawan manakala minuman sejuk dihidangkan dengan gelas.</p> <p>3.11 Setiap makanan dan minuman perlu dihidangkan dalam keadaan yang baik, bersih dan menarik.</p>	<p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p>	
4.	<p>Penyediaan dan penghidangan makanan:</p> <p>4.1 Pada setiap hari Jumaat jam 10.00 pagi, pembekal perkhidmatan hendaklah mendapatkan maklumat daripada Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat (PK) atau wakilnya mengenai tempahan makanan & minuman di SME Corp. Malaysia pada minggu berikutnya. Sekiranya hari Jumaat jatuh pada hari cuti/kelepasan, pembekal perlu mendapatkan maklumat tersebut lebih awal iaitu sekurang-kurangnya dua (2) hari sebelum hari cuti/kelepasan, ini bagi menjamin kuantiti dan kualiti makanan yang dikehendaki sentiasa mencukupi.</p> <p>4.2 Butiran tempahan akan dimaklumkan kepada pembekal perkhidmatan sekurang-kurangnya sehari sebelum penganjuran mesyuarat / majlis / kursus dalaman.</p>	<p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p>	

BIL	BUTIR-BUTIR KERJA	PEMATUHAN (Sila <input type="checkbox"/> atau x)	CATATAN *
4.3	Pertukaran menu oleh pembekal adalah tidak dibenarkan sama sekali kecuali ianya dilakukan 24 jam lebih awal dan sebab-sebab pertukaran adalah munasabah dan mendapat kelulusan daripada Pengarah PK atau wakilnya.	<input type="checkbox"/>	
4.4	Lebihan makanan adalah hak SME Corp. Malaysia atau sebagaimana yang dipersetujui di antara Pengarah PK atau wakilnya dengan pihak pembekal.	<input type="checkbox"/>	
4.5	Pengarah PK atau wakilnya berhak membuat pembatalan tempahan makanan dalam tempoh masa 24 jam apabila sesuatu mesyuarat/kursus itu dibatalkan atau ditunda.	<input type="checkbox"/>	
4.6	Sekiranya bekalan makanan tidak mencukupi sewaktu sajian, pembekal hendaklah dengan segera menyediakan makanan gantian yang setara nilainya dengan makanan yang diganti dalam tempoh masa 30 minit.	<input type="checkbox"/>	
4.7	Pembekal perkhidmatan hendaklah menyediakan makanan khas seperti <i>Vegetarian</i> dan lain-lain kepada peserta yang memerlukannya disebabkan hal keagamaan, perubatan dan sebagainya dengan hidangan yang setara dari segi harga dan mutu makanan mengikut menu pada hari tersebut.	<input type="checkbox"/>	
4.8	Sekiranya bekalan makanan perlu ditambah, pihak Bahagian PK berhak membuat pesanan dalam tempoh masa dua (2) jam sebelum masa hidangan. Pembekal perkhidmatan hendaklah memastikan makanan yang dihidangkan bertutup dan alat penghidangan (penyepit, senduk, sudu, garpu, pisau, tisu dan lain-lain) yang sesuai disediakan serta mencukupi ketika makanan dihidangkan.	<input type="checkbox"/>	
4.9	Sajian makanan hendaklah berdasarkan kepada bilangan tempahan dan menu yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Pindaan menu tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.	<input type="checkbox"/>	

BIL	BUTIR-BUTIR KERJA	PEMATUHAN (Sila \surd atau x)	CATATAN *
	<p>4.10 Memastikan bahawa nilai estetik diambil kira dalam penyediaan dan sajian makanan supaya terhidang secara menarik dan menyelerakan.</p> <p>4.11 Menyediakan maklumat kandungan kalori bagi setiap hidangan mesyuarat mengikut format ditetapkan SME Corp. Malaysia.</p> <p>4.12 Pembekal perkhidmatan hendaklah menghidangkan makanan sekurang-kurangnya 30 minit lebih awal dari jadual waktu penghidangan.</p> <p>4.13 Sekiranya terdapat permintaan daripada pihak SME Corp. Malaysia bagi menghidang lebih awal/lewat, pihak pembekal hendaklah mematuhi permintaan tersebut.</p> <p>4.14 Bagi makanan secara berhidang, peramusaji hendaklah membantu melayani tetamu-tetamu VIP apabila diminta berbuat demikian oleh SME Corp. Malaysia. Penyediaan makanan berhidang hendaklah menggunakan peralatan yang sesuai dan mencukupi mengikut sajian yang diperlukan.</p> <p>4.15 Bagi makanan secara buffet, hendaklah dibantu oleh peramusaji untuk melayan peserta.</p> <p>4.16 Pembekal perkhidmatan perlu menjalankan kerja – kerja penyediaan dan persiapan akhir hidangan atau sajian di ruangan/bilik/pantri yang telah disediakan oleh SME Corp. Malaysia bagi memastikan hidangan atau sajian tersebut kekal segar dan dapat dihantar pada masa yang ditetapkan.</p>	<p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p>	
5.	<p>Peralatan:</p> <p>5.1 Bertanggungjawab mencuci peralatan hidangan yang telah digunakan dengan segera selepas setiap waktu hidangan di ruang cucian yang dibenarkan oleh SME Corp. Malaysia.</p>	<p><input type="checkbox"/></p>	

BIL	BUTIR-BUTIR KERJA	PEMATUHAN (Sila <input type="checkbox"/> atau x)	CATATAN *
	<p>5.2 Menggunakan bahan pencuci yang sesuai dan suhu air yang betul untuk memastikan semua peralatan dibersihkan dengan sempurna.</p> <p>5.3 Memastikan semua peralatan, kelengkapan, peralatan sajian (pinggan, mangkuk, cawan, gelas, kutleri dsb.) serta alas meja yang digunakan sentiasa bersih serta dalam keadaan baik, tidak basah, berbau, berdaki dan sumbing atau retak dan sebagainya.</p>	<p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p>	
6.	<p>Pekerja:</p> <p>6.1 Semua tenaga pekerja yang menguruskan kerja-kerja kontrak ini hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia dan beragama Islam.</p> <p>6.2 Pembekal perkhidmatan hendaklah membekalkan tenaga pekerja yang mencukupi mengikut majlis, mesyuarat, kursus dll.</p> <p>6.3 Pembekal hendaklah memberhentikan dengan segera mana-mana pekerja yang diarahkan oleh Pengarah PK atau wakilnya, sekiranya didapati bahawa pekerja berkenaan merupakan ancaman keselamatan kepada SME Corp. Malaysia atau terlibat dalam kegiatan jenayah atau penyalahgunaan dadah atau berkelakuan yang tidak senonoh. Sekiranya berlaku, maka segala pembayaran dan perbelanjaan (jika ada) hendaklah ditanggung kesemuanya oleh pembekal.</p> <p>6.4 Semua pekerja yang diambil bertugas mestilah lulus pemeriksaan kesihatan serta bebas dari penyakit berjangkit.</p> <p>6.5 Pembekal perkhidmatan hendaklah memastikan pekerjaanya diberi suntikan vaksin serta menjalani pemeriksaan perubatan secara berkala. Bukti suntikan vaksin perlu diserahkan apabila berlaku pertukaran pekerja. Laporan pemeriksaan perubatan hendaklah dikemukakan kepada SME Corp. Malaysia.</p>	<p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p>	

BIL	BUTIR-BUTIR KERJA	PEMATUHAN (Sila <input type="checkbox"/> atau x)	CATATAN *
	<p>6.6 Memastikan pekerja mengamalkan kebersihan diri seperti rambut hendaklah sentiasa kemas (well groomed), kuku hendaklah sentiasa bersih dan dipotong pendek (tidak memakai pewarna kuku), mencuci tangan selepas ke tandas dan seumpamanya.</p> <p>6.7 Pekerja-pekerja hendaklah mempunyai surat pengesahan pemeriksaan perubatan doktor yang diperakui untuk memastikan pekerja-pekerja sihat dan berupaya serta bebas dari sebarang pesakit berjangkit dan bebas dari penyalahgunaan dadah dan bebas juga daripada apa jua rekod jenayah.</p> <p>6.8 Pekerja yang tidak sihat atau mempunyai jangkitan di kulit tidak dibenarkan bertugas.</p> <p>6.9 Pekerja memakai kasut semasa mengendalikan makanan di dalam premis SME Corp. Malaysia (selipar dan sebagainya tidak dibenarkan).</p> <p>6.10 Memastikan peramusaji sentiasa memakai pakaian seragam yang bersih dan kemas.</p>	<p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p>	
7.	<p>Pembersihan dan pembuangan sisa:</p> <p>7.1 Menjaga kebersihan ruang bangunan SME Corp. Malaysia yang digunakan iaitu termasuk ruang dapur, bilik stor, bilik pejabat, tempat-tempat pekerja dan dewan makan, tempat pembuangan sampah dan keadaan sekelilingnya dan juga kebersihan alat kelengkapan dan bahan-bahan makanan yang digunakan.</p> <p>7.2 Memastikan segala sisa makanan, sampah sarap dibungkus, diikat dan dibuang di tempat pembuangan sampah dan tidak membiarkannya di dalam keadaan terdedah setiap hari.</p>	<p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p>	

BIL	BUTIR-BUTIR KERJA	PEMATUHAN (Sila √ atau x)	CATATAN *
	7.3 Memastikan segala sisa-sisa makanan dan lain-lain jenis sampah tidak dibuang ke dalam sinki atau longkang atau lain-lain tempat seumpamanya yang boleh menyebabkan tersumbatnya saluran-saliran air atau longkang.	<input type="checkbox"/>	
8.	Keselamatan dan Penyeliaan:		
	8.1 Memastikan seorang Penyelia bertugas semasa penyediaan hidangan di ruang Dapur/Pantry yang disediakan.	<input type="checkbox"/>	
	8.2 Memastikan pada setiap masa keselamatan pekerja-pekerja dan alat-alatnya semasa menjalankan kontrak ini di SME Corp. Malaysia. SME Corp. Malaysia tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian, kerosakan dan/atau kecederaan yang berlaku ke atas dan/atau dialami oleh mana-mana pekerjanya dan/atau disebabkan oleh penggunaan alat-alat berkenaan.	<input type="checkbox"/>	
	8.3 Pembekal dan pekerja-pekerjanya adalah sentiasa terikat untuk mematuhi semua peraturan keselamatan di dalam premis SME Corp. Malaysia. Pihak SME Corp. Malaysia sentiasa berhak untuk memberitahu pembekal akan ketidaksesuaian untuk diambil bekerja mana-mana pekerjanya di atas sebab keselamatan.	<input type="checkbox"/>	
	8.4 Pembekal perkhidmatan dikehendaki menyerahkan senarai nama, gambar berukuran passport (yang terbaru), salinan kad pengenalan / permit kerja semua pekerja yang akan bekerja di SME Corp. Malaysia sebelum mereka menjalankan tugas.	<input type="checkbox"/>	

BIL	BUTIR-BUTIR KERJA	PEMATUHAN (Sila <input type="checkbox"/> atau x)	CATATAN *
9.	<p>Mengganti peralatan yang pecah/rosak/hilang:</p> <p>9.1 Pembekal perkhidmatan hendaklah membayar ganti rugi atau mengganti alat – alat atau / harta benda milik SME Corp. Malaysia atau pelawat / peserta atau pihak yang berurusan di dalam premis SME Corp. Malaysia yang dirosakkan / pecah / hilang atas kecuaiian atau disebabkan oleh pekerja – pekerja pihak pembekal perkhidmatan.</p> <p>9.2 Kegagalan membuat penggantian akan menyebabkan potongan bayaran bulanan dibuat berdasarkan harga asal barang berkenaan. Dalam keadaan ini, sebarang bantahan dan rayuan akan ditolak.</p>	<p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p>	
10.	<p>Kawalan kualiti perkhidmatan:</p> <p>10.1 Melakukan ujirasa makanan untuk memastikan mutu makanan, sekiranya perlu.</p> <p>10.2 Berinteraksi dengan Bahagian Pengurusan Korporat di dalam urusan harian dan urusan peningkatan kawalan mutu makanan dan perkhidmatan.</p> <p>10.3 Menghadiri mesyuarat dengan pihak pengurusan SME Corp. Malaysia dari semasa ke semasa, sekiranya perlu.</p> <p>10.4 Memastikan pekerja memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada tetamu luar demi menjaga imej SME Corp. Malaysia.</p> <p>10.5 SME Corp. Malaysia berhak melakukan ujirasa makanan bermasakan untuk memastikan hidangan adalah memuaskan. Sampel makanan akan diambil untuk tujuan ujian bagi penentuan mutu dan akan memberi nasihat berkaitan dengannya dari semasa ke semasa.</p>	<p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p>	

BIL	BUTIR-BUTIR KERJA	PEMATUHAN (Sila <input type="checkbox"/> atau <input checked="" type="checkbox"/>)	CATATAN *																														
11.	<p data-bbox="215 275 521 310">Kadar Denda/Penalti:</p> <table border="1" data-bbox="215 348 976 1583"> <thead> <tr> <th data-bbox="215 348 302 401">BIL</th> <th data-bbox="302 348 824 401">KETIDAKPATUHAN</th> <th data-bbox="824 348 976 401">KADAR</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="215 401 302 512">a.</td> <td data-bbox="302 401 824 512">Gagal menyediakan hidangan mengikut masa ditetapkan</td> <td data-bbox="824 401 976 512">5%</td> </tr> <tr> <td data-bbox="215 512 302 623">b.</td> <td data-bbox="302 512 824 623">Gagal menyediakan hidangan mengikut spesifikasi</td> <td data-bbox="824 512 976 623">5%</td> </tr> <tr> <td data-bbox="215 623 302 777">c.</td> <td data-bbox="302 623 824 777">Gagal menyediakan maklumat kandungan kalori mengikut format ditetapkan</td> <td data-bbox="824 623 976 777">5%</td> </tr> <tr> <td data-bbox="215 777 302 888">d.</td> <td data-bbox="302 777 824 888">Gagal menghantar pekerja secukupnya</td> <td data-bbox="824 777 976 888">5%</td> </tr> <tr> <td data-bbox="215 888 302 1041">e.</td> <td data-bbox="302 888 824 1041">Gagal menghidangkan peralatan (pinggan/ mangkuk/ gelas/ cawan) yang mencukupi</td> <td data-bbox="824 888 976 1041">5%</td> </tr> <tr> <td data-bbox="215 1041 302 1152">f.</td> <td data-bbox="302 1041 824 1152">Pekerja gagal mengamalkan aspek kebersihan</td> <td data-bbox="824 1041 976 1152">10%</td> </tr> <tr> <td data-bbox="215 1152 302 1264">g.</td> <td data-bbox="302 1152 824 1264">Gagal menyediakan hidangan secukupnya mengikut tempahan</td> <td data-bbox="824 1152 976 1264">10%</td> </tr> <tr> <td data-bbox="215 1264 302 1339">h.</td> <td data-bbox="302 1264 824 1339">Menukar menu tanpa kelulusan</td> <td data-bbox="824 1264 976 1339">10%</td> </tr> <tr> <td data-bbox="215 1339 302 1583">i.</td> <td data-bbox="302 1339 824 1583">Kes keracunan makanan disebabkan hidangan disediakan (disahkan Jabatan Kesihatan). Sekiranya kejadian berulang, kontrak boleh ditamatkan.</td> <td data-bbox="824 1339 976 1583">15%</td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="215 1621 976 1730">Penalti ini akan akan ditolak dari pembayaran bagi aduan yang diterima sama ada dari tetamu luar atau kakitangan SME Corp. Malaysia.</p> <p data-bbox="215 1768 976 1877">Penalti juga boleh dikenakan sekiranya pembekal melanggar arahan yang telah ditetapkan seperti yang sedia ada di dalam kontrak.</p>	BIL	KETIDAKPATUHAN	KADAR	a.	Gagal menyediakan hidangan mengikut masa ditetapkan	5%	b.	Gagal menyediakan hidangan mengikut spesifikasi	5%	c.	Gagal menyediakan maklumat kandungan kalori mengikut format ditetapkan	5%	d.	Gagal menghantar pekerja secukupnya	5%	e.	Gagal menghidangkan peralatan (pinggan/ mangkuk/ gelas/ cawan) yang mencukupi	5%	f.	Pekerja gagal mengamalkan aspek kebersihan	10%	g.	Gagal menyediakan hidangan secukupnya mengikut tempahan	10%	h.	Menukar menu tanpa kelulusan	10%	i.	Kes keracunan makanan disebabkan hidangan disediakan (disahkan Jabatan Kesihatan). Sekiranya kejadian berulang, kontrak boleh ditamatkan.	15%	<p data-bbox="1097 281 1127 310"><input type="checkbox"/></p> <p data-bbox="1097 1625 1127 1654"><input type="checkbox"/></p> <p data-bbox="1097 1793 1127 1822"><input type="checkbox"/></p>	
BIL	KETIDAKPATUHAN	KADAR																															
a.	Gagal menyediakan hidangan mengikut masa ditetapkan	5%																															
b.	Gagal menyediakan hidangan mengikut spesifikasi	5%																															
c.	Gagal menyediakan maklumat kandungan kalori mengikut format ditetapkan	5%																															
d.	Gagal menghantar pekerja secukupnya	5%																															
e.	Gagal menghidangkan peralatan (pinggan/ mangkuk/ gelas/ cawan) yang mencukupi	5%																															
f.	Pekerja gagal mengamalkan aspek kebersihan	10%																															
g.	Gagal menyediakan hidangan secukupnya mengikut tempahan	10%																															
h.	Menukar menu tanpa kelulusan	10%																															
i.	Kes keracunan makanan disebabkan hidangan disediakan (disahkan Jabatan Kesihatan). Sekiranya kejadian berulang, kontrak boleh ditamatkan.	15%																															

BIL	BUTIR-BUTIR KERJA	PEMATUHAN (Sila <input type="checkbox"/> atau x)	CATATAN *
12.	<p>12.1 Tuntutan pembayaran <u>bulanan</u> adalah mengikut <u>perbelanjaan sebenar</u> berdasarkan prinsip yang mana lebih rendah dan tidak melebihi kos yang diluluskan.</p> <p>12.2 Semua kadar harga yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan adalah tertakluk kepada Arahan Pentadbiran SME Corp. Malaysia / Pekeliling Kerajaan yang mana berkaitan dari semasa ke semasa.</p>	<p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p>	
13.	Melaksanakan perkhidmatan untuk tempoh 5 bulan (1 Ogos 2019 – 31 Disember 2019)	<input type="checkbox"/>	

* sila nyatakan di ruangan ini jika terdapat maklumat tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi

Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar.

.....

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Syarikat :